

D.R. 42/96

Naskah Sahih:

Bahasa Kebangsaan—Bab IV, V, VI, VII & IX

Bahasa Inggeris—Bab II, III, VIII & X

**RANG UNDANG-UNDANG KEWANGAN
(No. 2) 1996**

SUSUNAN PASAL

BAB I

PERMULAAN

Fasal

1. Tajuk ringkas.
2. Pindaan dan pemansuhan.

BAB II

PINDAAN KEPADA AKTA CUKAI PENDAPATAN 1967

3. Mula berkuatkuasanya pindaan kepada Akta Cukai Pendapatan 1967.
4. Pindaan seksyen 2.
5. Pindaan seksyen 4A.
6. Pindaan seksyen 13.
7. Pindaan seksyen 15A.
8. Pindaan seksyen 34.
9. Pindaan seksyen 39.
10. Pindaan seksyen 44.
11. Pindaan seksyen 46.
12. Pindaan seksyen 49.
13. Pindaan seksyen 60G.
14. Seksyen baru 60H.
15. Pindaan seksyen 83.
16. Pindaan seksyen 103.
17. Pindaan seksyen 107A.
18. Pindaan seksyen 109.

Fasal

19. Pindaan seksyen 109B.
20. Pindaan seksyen 136.
21. Pindaan Jadual 1.
22. Pindaan Jadual 3.
23. Pindaan Jadual 6.
24. Pindaan Jadual 7A.

BAB III

PINDAAN KEPADA AKTA PETROLEUM (CUKAI PENDAPATAN) 1967

25. Mula berkuatkuasanya pindaan kepada Akta Petroleum (Cukai Pendapatan) 1967.
26. Pindaan seksyen 2.
27. Pindaan seksyen 16.
28. Pindaan seksyen 22.
29. Pindaan seksyen 69.
30. Pindaan seksyen 70.
31. Pindaan seksyen 71.

BAB IV

PINDAAN KEPADA AKTA CUKAI KEUNTUNGAN HARTA TANAH 1976

32. Mula berkuatkuasanya pindaan kepada Akta Cukai Keuntungan Harta Tanah 1976.
33. Pindaan seksyen 2.
34. Pindaan seksyen 45.
35. Pindaan seksyen 46.
36. Pindaan seksyen 47.
37. Pindaan seksyen 54.
38. Pindaan Jadual 2.

BAB V

PINDAAN KEPADA AKTA CUKAI AKTIVITI PERNIAGAAN
LUAR PESISIR LABUAN 1990

39. Mula berkuatkuasanya pindaan kepada Akta Cukai Aktiviti Perniagaan Luar Pesisir Labuan 1990.
40. Pindaan seksyen 2.

BAB VI

PINDAAN KEPADA AKTA CUKAI PERKHIDMATAN 1975

Fasal

41. Mula berkuatkuasanya pindaan kepada Akta Cukai Perkhidmatan 1975.
42. Pindaan seksyen 2.
43. Pindaan seksyen 3.
44. Pindaan seksyen 14.

BAB VII

PINDAAN KEPADA AKTA CUKAI JUALAN 1972

45. Mula berkuatkuasanya pindaan kepada Akta Cukai Jualan 1972.
46. Seksyen baru 2B.

BAB VIII

PINDAAN KEPADA AKTA KASTAM 1967

47. Mula berkuatkuasanya pindaan kepada Akta Kastam 1967.
48. Pindaan seksyen 65.

BAB IX

PINDAAN KEPADA AKTA ZON BEBAS 1990

49. Mula berkuatkuasanya pindaan kepada Akta Zon Bebas 1990.
50. Pindaan seksyen 2.
51. Pindaan seksyen 5.
52. Seksyen baru 6A.
53. Pindaan seksyen 8.
54. Pindaan seksyen 9.
55. Pindaan seksyen 10.
56. Pindaan seksyen 11.
57. Pindaan seksyen 12.
58. Pindaan seksyen 13.
59. Pindaan seksyen 30.

BAB X

PEMANSUHAN AKTA DUTI SEWA FILEM WAYANG GAMBAR 1965

Fasal

60. Mula berkuatkuasanya pemansuhan Akta Duti Sewa Filem Wayang Gambar 1965.
61. Pemansuhan.

RANG UNDANG-UNDANG

bernama

Suatu Akta untuk meminda Akta Cukai Pendapatan 1967, Akta Petroleum (Cukai Pendapatan) 1967, Akta Cukai Keuntungan Harta Tanah 1976, Akta Cukai Aktiviti Perniagaan Luar Pesisir Labuan 1990, Akta Cukai Perkhidmatan 1975, Akta Cukai Jualan 1972, Akta Kastam 1967 dan Akta Zon Bebas 1990, dan untuk memansuhkan Akta Duti Sewa Filem Wayang Gambar 1965.

[]

MAKA INILAH DIPERBUAT UNDANG-UNDANG oleh Seri Paduka Baginda Yang di-Pertuan Agong dengan nasihat dan persetujuan Dewan Negara dan Dewan Rakyat yang bersidang dalam Parlimen, dan dengan kuasa daripadanya, seperti berikut:

BABI

PERMULAAN

1. Akta ini bolehlah dinamakan Akta Kewangan (No. 2) 1996. Tajuk ringkas.

2. (1) Akta Cukai Pendapatan 1967, Akta Petroleum (Cukai Pendapatan) 1967, Akta Cukai Keuntungan Harta Tanah 1976, Akta Aktiviti Perniagaan Luar Pesisir Labuan 1990, Akta Cukai Perkhidmatan 1975, Akta Cukai Jualan 1972, Akta Kastam 1967 dan Akta Zon Bebas 1990 adalah dipinda mengikut cara yang dinyatakan dalam Bab II, III, IV, V, VI, VII, VIII dan X masing-masing. Pindaan dan pemansuhan.
Akta 53.
Akta 543.
Akta 169
Akta 445
Akta 151
Akta 64
Akta 235.
Akta 438.

Akta 438.

(2) Akta Duti Sewa Filem Wayang Gambar 1965 adalah dimansuhkan mengikut cara yang dinyatakan dalam Bab X.

BAB II

PINDAAN KEPADA AKTA CUKAI PENDAPATAN 1967

Mula
berkuatkuasanya
pindaan
kepada Akta
Cukai
Pendapatan
1967.

3. (1) Kecuali perenggan 4(a), 4(b), 19(a) dan 19(b) dan seksyen 5, 7, 15, 16, 17, 18, 20 dan 21, Bab ini hendaklah berkuatkuasa bagi tahun taksiran 1997 dan tahun-tahun taksiran yang berikutnya.

(2) Perenggan 4(a) dan 19(6) dan seksyen 16, 17 dan 18 hendaklah disifatkan telah mula berkuatkuasa pada 25 Oktober 1996.

(3) Perenggan 4(b) dan 19(a) dan seksyen 5, 7, 15 dan 21 hendaklah mula berkuatkuasa pada 1 Januari 1997.

(4) Seksyen 20 hendaklah disifatkan telah mula berkuatkuasa pada 2 Ogos 1996.

Pindaan
seksyen 2.
Akta 53.

4. Akta Cukai Pendapatan 1967, yang disebut "Akta ibu" dalam Bab ini, adalah dipinda dalam subseksyen 2(1)—

(a) dalam takrif "approved loan" dengan memasukkan selepas perkataan "a person" dalam perenggan (b) perkataan "pursuant to an application received prior to 25 October 1996"; dan

(b) dalam takrif "royalty" dengan menggantikan subperenggan (a) (i) dengan subperenggan yang berikut;

"(i) copyrights, artistic or scientific works, patents, designs or models, plans, secret processes or formulae, trademarks, or tapes for radio or television broadcasting, motion picture films, films or video tapes or other means of reproduction where such films or tapes have been or are to be used or reproduced in Malaysia or other like property or rights;" .

5. Perenggan 4A(iii) Akta itu adalah dipinda dengan memotong perkataan "where the duty is leviable under the Cinematograph Film-Hire Duty Act 1965,". Pindaan seksyen 4A.
6. Subperenggan 13(1)(b)(i) Akta itu adalah dipinda dengan memasukkan selepas perkataan "dental treatment" perkataan "or a benefit for child care". Pindaan seksyen 13.
7. Perenggan 15A(c) Akta itu adalah dipinda dengan memotong perkataan "where the duty is leviable under the Cinematograph Film-Hire Duty Act 1965,". Pindaan seksyen 15A.
8. Subseksyen 34(6) Akta itu adalah dipinda— Pindaan seksyen 34.
- (a) dalam perenggan (f) dengan memotong perkataan "and" di hujung perenggan itu;
 - (b) dalam perenggan (g) dengan menggantikan noktah di hujung perenggan itu dengan koma bertitik; dan
 - (c) dengan memasukkan selepas perenggan (g) perenggan yang berikut:
 - "(h) an amount equal to the expenditure incurred by the relevant person in the relevant period on the provision of services, public amenities and contributions to a charity or community project pertaining to education, health, housing and infrastructure, approved by the relevant authority:

Provided that where a deduction has been made under this paragraph, no further deduction of the same amount shall be allowed under section 44(6);
 - (i) an amount equal to the expenditure incurred, not being capital expenditure on land, premises, buildings, structures or works of a permanent nature or on alterations, additions or extensions thereof or in the acquisition of any rights in or over any property, by the relevant person in the relevant period on the provision

and maintenance of a child care centre for the benefit of persons employed by him in his business; and

- (j) an amount equal to the expenditure incurred by the relevant person in the relevant period in establishing and managing a musical or cultural group approved by the Minister."

Pindaan
seksyen 39.

9. Subseksyen 39(1) Akta ibu adalah dipinda—

- (a) dalam perenggan (f) dengan menggantikan koma bertitik di hujung perenggan itu dengan noktah bertindih dan memasukkan selepas itu proviso yang berikut:

"Provided that this paragraph shall not apply if the payer has paid the amount referred to in subsection (2) of that section.";

- (b) dalam perenggan (i) dengan menggantikan koma bertitik di hujung perenggan itu dengan noktah bertindih dan memasukkan selepas itu proviso yang berikut:

"Provided that this paragraph shall not apply if the payer has paid the amount referred to in subsection (2) of that section."; dan

- (c) dalam perenggan (j) dengan menggantikan koma bertitik di hujung perenggan itu dengan noktah bertindih dan memasukkan selepas itu proviso yang berikut:

"Provided that this paragraph shall not apply if the payer has paid the amount referred to in subsection (2) of that section."

Pindaan
seksyen 44

10. Seksyen 44 Akta ibu adalah dipinda—

- (a) dalam perenggan (1)(c) dengan memasukkan selepas perkataan "(6)" perkataan "or (6A)";
- (b) dengan memasukkan selepas subseksyen (6) subseksyen yang berikut:

"(6A) There shall be deducted pursuant to this subsection from the aggregate income of

a person for the relevant year reduced by any deduction falling to be made for that year pursuant to subsection (2) or Schedule 4, 4A or 4B, an amount equal to the value, as determined by the Department of Museums and Antiquities or the National Archives, of any gift or artefact or manuscript made by him in the basis year for that year to the Government or State Government."; dan

- (c) dalam subseksyen (7) dengan menggantikan perenggan (f) dengan perenggan yang berikut:

"(f) a technical or vocational training institution;"

11. Seksyen 46 Akta ibu adalah dipinda—

Pindaan
seksyen 46.

- (a) dengan menomborkan semula seksyen 46 yang sedia ada sebagai subseksyen 46(1);
- (b) dalam perenggan (e) dengan memotong perkataan "and" di hujung perenggan itu;
- (c) dalam perenggan (f) dengan menggantikan noktah di hujung perenggan itu dengan perkataan "; and"; dan
- (d) dengan memasukkan selepas perenggan (f) perenggan yang berikut:

"(g) an amount limited to a maximum of five thousand ringgit in respect of medical expenses expended in that basis year by that individual on himself if he is suffering from a serious disease or on his wife or child who is suffering from a serious disease, or in the case of a wife, on herself if she is suffering from a serious disease or on her husband or child who is suffering from a serious disease:

Provided that the claim is evidenced by a receipt and certification issued by a medical practitioner that treatment

was provided to the individual, spouse or child for that disease:

Provided further that where the wife has no total income the total deduction under this paragraph shall not exceed five thousand ringgit.";

(e) dengan memasukkan selepas subseksyen (1) subseksyen yang berikut:

"(2) In subsection (1)(g)—

"child" shall be construed as referring to a child as defined in section 48(9);

"serious disease" includes acquired immunity deficiency syndrome, Parkinson's disease, cancer, renal failure, leukaemia and other similar diseases."

Pindaan
seksyen 49.

12. Seksyen 49 Akta ibu adalah dipinda dengan menggantikan subseksyen (2) dengan subseksyen yang berikut:

"(2) For the purposes of subsection (1), no regard shall be had to any contribution to an approved scheme unless the contribution was obligatory by reason of—

(a) any contract of employment of the individual claiming a deduction in respect of the contribution; or

(b) any provision in the rules, regulations, by-laws or constitution of the scheme,

and, where the contribution was partly obligatory by reason of such a contract or provision and partly not so obligatory, regard shall be had only to the part which was so obligatory."

Pindaan
seksyen 60G.

13. Subseksyen 60G(6) Akta ibu adalah dipinda dengan menggantikan takrif "foreign fund management company" dengan takrif yang berikut:

"foreign fund management company" means a company incorporated in Malaysia and licensed under the Securities Industry Act 1983;'

14. Akta ibu adalah dipinda dengan memasukkan selepas seksyen 60G seksyen yang berikut:

Seksyen baru
60H.

" Closed-end fund company. 60H. (1) This section shall apply to a closed-end fund company resident in Malaysia for the basis year for a year of assessment.

(2) Where a closed-end fund company receives an amount in respect of gains from the realisation of investments in the basis period for a year of assessment such amount shall be exempt from tax for that year of assessment.

(3) Paragraphs 5 and 6 of Schedule 7A shall apply, *mutatis mutandis*, to the amount exempted under subsection (2) and paragraph 35 of Schedule 6 (where applicable).

(4) In ascertaining the total income of a closed-end fund company for the basis period for a year of assessment there shall be deducted before any deduction falling to be made under section 44(1)(c) an amount in respect of expenses incurred by that closed-end fund company during that period, which amount shall be determined in accordance with the formula

$$A \times \frac{B}{4C}$$

where A is the total of the permitted expenses incurred for that basis period;

B is the gross income consisting of dividend and interest chargeable to tax for that basis period; and

C is the aggregate of the gross income consisting of dividend and interest (whether exempt or not) and gains made from the realisation of investments

(whether chargeable to tax or not) for that basis period:

Provided that—

- (a) the amount of deduction to be made shall not be less than ten per cent of the total permitted expenses incurred for that basis period; and
- (b) where, by reason of an absence or insufficiency of aggregate income for that year of assessment, effect cannot be given or cannot be given in full to any deduction falling to be made to the closed-end fund company under this section for that year, that deduction which has not been so made shall not be made to the closed-end fund company for any subsequent year of assessment.

(5) For the purposes of this section—

"closed-end fund company" means a public limited company incorporated in Malaysia and approved by the Securities Commission to engage wholly in the investment of funds in securities;

"permitted expenses" means expenses incurred by a closed-end fund company in respect of—

- (a) manager's remuneration;
- (b) maintenance of register of shareholders;
- (c) share registration expenses;
- (d) secretarial, audit and accounting fees, telephone charges, printing and stationery costs and postage;

"securities" means debentures, stocks and shares in a public company or corporation, or bonds of any government or any body corporate or unincorporate and includes any right or option in respect thereof and any interest in unit trust schemes.

(6) Sections 33 and 34 shall not apply to a closed-end fund company."

15. Subseksyen 83(3) Akta ibu adalah dipinda dengan menggantikan noktah di hujung proviso dengan noktah bertindih dan memasukkan selepas itu proviso selanjutnya yang berikut: Pindaan seksyen 83.

"Provided further that an employer shall not be required to give the written notice under this subsection in respect of an individual—

- (a) where the income from the employment of that individual is subject to deduction under any rules made pursuant to section 154(1)(a); or
- (b) where the total monthly remuneration from the employment of that individual is below the minimum amount of income that is subject to deduction under any rules made pursuant to section 154(1)(a),

and where it is known to him that the individual is not retiring from any employment."

16. Subseksyen 103(7) Akta ibu adalah dipinda dengan memotong perkataan "107A(2) or" dan "or 109(2) or 109B(2)". Pindaan seksyen 103.

17. Seksyen 107A Akta ibu adalah dipinda dengan menggantikan Subseksyen (2) dengan Subseksyen yang berikut: Pindaan seksyen 107 A.

"(2) Where the payer fails to pay any amount due from him under subsection (1), that amount which he fails to pay shall be increased by an amount equal

to ten per cent of the contract payment liable to deduction of tax under subsection (1) and the total sum shall be a debt due from him to the Government and shall be payable forthwith to the Director General."

Pindaan seksyen 109. **18.** Seksyen 109 Akta ibu adalah dipinda dengan menggantikan subseksyen (2) dengan subseksyen yang berikut:

"(2) Where the payer fails to pay any amount due from him under subsection (1), that amount which he fails to pay shall be increased by an amount equal to ten per cent of the interest or royalty liable to deduction of tax under subsection (1) and the total sum shall be a debt due from him to the Government and shall be payable forthwith to the Director General."

Pindaan seksyen 109B. **19.** Seksyen 109B Akta ibu adalah dipinda—

(a) dalam perenggan (1)(c) dengan memotong perkataan "where the duty is leviable under the Cinematograph Film-Hire Duty Act 1965,"; dan

(b) dengan menggantikan subseksyen (2) dengan subseksyen yang berikut:

"(2) Where the payer fails to pay any amount due from him under subsection (1), that amount which he fails to pay shall be increased by an amount equal to ten per cent of the payments liable to deduction of tax under subsection (1)(a), (1)(b) or (1)(c) and the total sum shall be a debt due from him to the Government and shall be payable forthwith to the Director General."

Pindaan seksyen 136. **20.** Subseksyen 136(8) Akta ibu adalah dipinda dengan memasukkan selepas perkataan "to that officer" perkataan "or employee."

Pindaan Jadual I. **21.** Bahagian V Jadual 1 kepada Akta ibu adalah dipinda dalam perenggan (iii) dengan memotong perkataan "where the duty is leviable under the Cinematograph Film-Hire Duty Act 1965".

22. Jadual 3 kepada Akta ibu adalah dipinda dalam subperenggan 42A(1) dengan menggantikan perkataan "business of manufacturing" dengan perkataan "manufacturing, hotel or tourism business or an approved service project under Schedule 7B." Pindaan
Jadual 3.

23. Jadual 6 kepada Akta ibu adalah dipinda— Pindaan
Jadual 6.

(a) dalam subperenggan 12(1)(b) dengan menggantikan perkataan "five hundred thousand ringgit" dengan perkataan "seven hundred and fifty thousand ringgit";

(b) dengan memasukkan selepas perenggan 32B perenggan yang berikut:

"32c. Income of an individual resident in Malaysia in that basis year in respect of his performances in cultural performances approved by the Minister:

Provided that the exemption shall not apply where the payment arises to the individual as part of his emoluments in the exercise of his official duties."; dan

(c) dalam subperenggan 35(c) dengan memasukkan selepas perkataan "Rating Agency Malaysia Berhad" perkataan "or Malaysian Rating Corporation Berhad".

24. Jadual kepada Akta ibu adalah dipinda— Pindaan
Jadual 7A.

(a) dalam subperenggan 5(1) dengan menggantikan perkataan "As" di permulaan subperenggan itu dengan perkataan "In the case of a company as"; dan

(b) dengan memasukkan selepas perenggan 9 perenggan yang berikut:

10. Except for paragraphs 1 and 5, this Schedule shall also apply to an agro-based co-operative society (within the meaning assigned to it under the Farmers' Organization Act 1973), an Area Farmers' Association, a National

Farmers' Association, a State Farmers' Association (within the meanings assigned to them under the Farmers' Organization Act 1973), an Area Fishermen's Association, a National Fishermen's Association and a State Fishermen's Association (within the meanings assigned to them under the Fishermen's Associations Act 1971).".
Act 44.

BAB III

PINDAAN KEPADA AKTA PETROLEUM (CUKAI PENDAPATAN) 1967

Mula
berkuatkuasanya
pindaan
kepada Akta
Petroleum
(Cukai
Pendapatan)
1967.

25. (1) Kecuali seksyen 26, 29, 30 dan 31, Bab ini hendaklah berkuatkuasa bagi tahun taksiran 1997 dan tahun-tahun taksiran yang berikutnya.

(2) Seksyen 26, 29, 30 dan 31 hendaklah disifatkan telah mula berkuatkuasa pada 2 Ogos 1996.

Pindaan
seksyen 2.
Akta 543.

26. Akta Petroleum (Cukai Pendapatan) 1967, yang disebut "Akta ibu' dalam Bab ini, adalah dipinda dalam subseksyen 2(1) dengan memasukkan selepas takrif "entertainment" takrif yang berikut:

"Inland Revenue Board of Malaysia" means the Inland Revenue Board of Malaysia established under the Inland Revenue Board of Malaysia Act 1995;'.
Act 533.

Pindaan
seksyen 16.

27. Seksyen 16 Akta ibu adalah dipinda dengan memasukkan selepas subseksyen (7A) subseksyen yang berikut:

"(7B) There shall be deducted from the relevant gross income an amount equal to the amount of expenditure incurred by the relevant chargeable person in the relevant period on the provision of services, public amenities and contributions to a charity or community project pertaining to education, health, housing and infrastructure, approved by the relevant authority:

Provided that where a deduction has been made under this paragraph, no further deduction of the same amount shall be allowed under subsection 22(1).

(7c) There shall be deducted from the relevant gross income an amount equal to the expenditure incurred not being capital expenditure on land, premises, buildings, structures or works of a permanent nature or on alterations, additions or extensions thereof or in the acquisition of any rights in or over any property, by the relevant chargeable person in the relevant period on the provision and maintenance of a child care centre for the benefit of persons employed by him in his business.

(7D) There shall be deducted from the relevant gross income an amount equal to the amount of expenditure incurred by the relevant chargeable person in the relevant period in establishing and managing a musical or cultural group approved by the Minister."

28. Seksyen 22 Akta ibu adalah dipinda dengan memasukkan selepas subseksyen (1) subseksyen yang berikut: Pindaan seksyen 22.

"(1A) The chargeable income of a chargeable person for a year of assessment shall consist of the amount of his assessable income for that year reduced by an amount equal to the value, as determined by the Department of Museums and Antiquities or the National Archives, of any gift of artefact or manuscript made by him in the basis period for that year of assessment to the Government or State Government."

29. Seksyen 69 Akta ibu adalah dipinda— Pindaan seksyen 69.

(a) dalam subseksyen (5) dengan memasukkan selepas perkataan "public officer" perkataan "or any employee of the Inland Revenue Board of Malaysia";

- (b) dalam subseksyen (6) dengan memasukkan selepas perkataan "public officer" perkataan "or an employee of the Inland Revenue Board of Malaysia"; dan
- (c) dalam subseksyen (8) dengan memasukkan selepas perkataan "public officer" perkataan "or an employee of the Inland Revenue Board of Malaysia" dan selepas perkataan "to that officer" perkataan "or employee".

Pindaan
seksyen 70.

30. Subseksyen 70(2) Akta ibu adalah dipinda dengan memasukkan selepas perkataan "public officer" perkataan "or an employee of the Inland Revenue Board of Malaysia".

Pindaan
seksyen 71.

31. Subseksyen 71(5) Akta ibu adalah dipinda dalam takrif "classified person"—

- (a) dengan memotong perkataan "or" di hujung perenggan (b);
- (b) dengan memasukkan perkataan "or" di hujung perenggan (c); dan
- (c) dengan memasukkan selepas perenggan (c) perenggan yang berikut:
 - "(d) any employee of the Inland Revenue Board of Malaysia;"

BAB IV

PINDAAN KEPADA AKTA CUKAI KEUNTUNGAN HARTA TANAH 1976

Mula
berkuat-
kuasanya
pindaan
kepada Akta
Cukai
Keuntungan
Harta Tanah
1976.

32. (1) Kecuali seksyen 33, 34, 35, 36 dan 37, Bab ini hendaklah disifatkan telah mula berkuatkuasa pada 25 Oktober 1996.

(2) Seksyen 33, 34, 35, 36 dan 37 hendaklah disifatkan telah mula berkuatkuasa pada 2 Ogos 1996.

33. Akta Cukai Keuntungan Harta Tanah 1976, yang disebut "Akta ibu" dalam Bab ini, adalah dipinda dalam subseksyen 2(1) dengan memasukkan selepas takrif "kumpulan orang" takrif yang berikut:

Pindaan
seksyen 2
Akta 169.

"Lembaga Hasil Dalam Negeri Malaysia" ertinya Lembaga Hasil Dalam Negeri Malaysia yang ditubuhkan di bawah Akta Lembaga Hasil Dalam Negeri Malaysia 1995;".

Akta 533.

34. Seksyen 45 Akta ibu adalah dipinda—

Pindaan
seksyen 45.

- (a) dalam subseksyen (5) dengan memasukkan selepas perkataan "pegawai awam" perkataan "atau pekerja Lembaga Hasil Dalam Negeri Malaysia";
- (b) dalam subseksyen (6) dengan memasukkan selepas perkataan "pegawai awam" perkataan "atau pekerja Lembaga Hasil Dalam Negeri Malaysia"; dan
- (c) dalam subseksyen (8) dengan memasukkan selepas perkataan "pegawai awam" perkataan "atau pekerja Lembaga Hasil Dalam Negeri Malaysia" dan selepas perkataan "mengenai pegawai itu" perkataan "atau pekerja itu".

35. Subseksyen 46(2) Akta ibu adalah dipinda dengan memasukkan selepas perkataan "pegawai awam" perkataan "atau pekerja Lembaga Hasil Dalam Negeri Malaysia".

Pindaan
seksyen 46.

36. Subseksyen 47(5) Akta ibu adalah dipinda dalam takrif "orang yang terkelas"—

Pindaan
seksyen 47.

- (a) dengan memotong perkataan "atau" di hujung perenggan (c);
- (b) dengan memasukkan perkataan "atau" di hujung perenggan (d); dan
- (c) dengan memasukkan selepas perenggan (d) perenggan yang berikut:
 - "(e) mana-mana pekerja Lembaga Hasil Dalam Negeri Malaysia;".

Pindaan
seksyen 54.

37. Seksyen 54 Akta ibu adalah dipinda dengan memasukkan selepas perkataan "pegawai awam" perkataan "atau pekerja Lembaga Hasil Dalam Negeri Malaysia".

Pindaan
Jadual 2.

38. Jadual 2 kepada Akta ibu adalah dipinda—

- (a) dalam subperenggan 1(1) dalam takrif "saudara" dengan memotong perkataan "bapa saudara, emak saudara, anak saudara, sepupu,";
- (b) dalam subsubperenggan 15(1)(a) dengan memasukkan selepas perkataan "suatu perjanjian" perkataan "bertulis"; dan
- (c) dalam subsubperenggan 15(1)(b) dengan memasukkan selepas perkataan "jika tiada apa-apa perjanjian" perkataan "bertulis".

BAB V

PINDAAN KEPADA AKTA CUKAI AKTIVITI PERNIAGAAN LUAR PESISIR LABUAN 1990

Mula
berkuat-
kuasanya
pindaan
kepada
Akta Cukai
Aktiviti
Perniagaan
Luar Pesisir
Labuan 1990.

39. Bab ini hendaklah berkuatkuasa bagi tahun taksiran 1997 dan tahun-tahun taksiran yang berikutnya.

Pindaan
seksyen 2.
Akta 445.

40. Akta Cukai Aktiviti Perniagaan Luar Pesisir Labuan 1990 adalah dipinda dalam subseksyen 2(1) dengan menggantikan takrif "amanah luar pesisir" dengan takrif yang berikut:

"amanah luar pesisir" mempunyai erti sebagaimana yang diberikan kepadanya oleh *Akta 554.* Akta Amanah Luar Pesisir Labuan 1996.'.

BAB VI

PINDAAN KEPADA AKTA CUKAI PERKHIDMATAN
1975

41. Bab ini hendaklah disifatkan telah mula berkuatkuasa pada 25 Oktober 1996.

Mula berkuatkuasanya pindaan kepada Akta Cukai Perkhidmatan 1975

42. Akta Cukai Perkhidmatan 1975, yang disebut "Akta ibu" dalam Bab ini, adalah dipinda dalam seksyen 2 dengan memasukkan selepas takrif "perkhidmatan yang kena dibayar cukai" takrif yang berikut:

Pindaan seksyen 2. Akta 151.

' "perkhidmatan yang kena dibayar cukai yang dieksportkan" ertinya perkhidmatan yang dibekalkan untuk dan kepada seseorang di negara selain daripada Malaysia (tidak termasuk Langkawi, Labuan dan zon bebas), dengan syarat bahawa perkhidmatan itu tidak dibekalkan berkaitan dengan barang atau tanah yang terletak di Malaysia dan orang itu tidak berada di Malaysia semasa perkhidmatan itu dilaksanakan;'

43. Seksyen 3 Akta ibu adalah dipinda dengan menggantikan perenggan (a) dengan perenggan yang berikut:

Pindaan seksyen 3.

"(a) mana-mana perkhidmatan yang ditetapkan (kemudian daripada ini disebut "perkhidmatan yang kena dibayar cukai" dalam Akta ini) yang disediakan oleh atau di—

(i) mana-mana tempat perniagaan profesional yang ditetapkan; atau

(ii) mana-mana tempat perniagaan yang ditetapkan,

kecuali untuk perkhidmatan yang kena dibayar cukai yang dieksportkan;"

Pindaan
seksyen 14.

44. Subseksyen 14(2) Akta ibu adalah dipinda dengan menggantikan perkataan "enam" di mana-mana jua terdapat dengan perkataan "dua belas".

BAB VII

PINDAAN KEPADA AKTA CUKAI JUALAN 1972

Mula
berkuat-
kuasanya
pindaan
kepada Akta
Cukai Jualan
1972.

45. Bab ini hendaklah disifatkan telah mula berkuatkuasa pada 25 Oktober 1996.

Seksyen
baru 2B.
Akta 64.

46. Akta Cukai Jualan 1972 adalah dipinda dengan memasukkan selepas seksyen 2A seksyen yang berikut:

“

Gudang
berlesen
dan
gudang
pengilang
berlesen
disifatkan
di luar
Malaysia

2B. Bagi maksud Akta ini, sesuatu gudang berlesen dan gudang pengilangan berlesen hendaklah disifatkan sebagai suatu tempat di luar Malaysia.

Akta 235.

Dalam seksyen ini, ungkapan "gudang pengilangan berlesen" ertinya gudang berlesen yang berkenaan dengannya lesen tambahan untuk menjalankan apa-apa proses pengilangan telah diberikan di bawah seksyen 65A Akta Kastam 1967."

BAB VIII

PINDAAN KEPADA AKTA KASTAM 1967

Mula
berkuat-
kuasanya
pindaan
kepada
Akta Kastam
1967.

47. Bab ini hendaklah disifatkan telah mula berkuatkuasa pada 25 Oktober 1996.

Pindaan
seksyen 65.
Akta 235.

48. Akta Kastam 1967 adalah dipinda dalam subseksyen 65(1) dengan memasukkan selepas perkataan "goods liable to customs duties" perkataan "and any other goods".

BAB IX

PINDAAN KEPADA AKTA ZON BEBAS 1990

49. Bab ini hendaklah disifatkan telah mula berkuatkuasa pada 25 Oktober 1996.

Mula berkuatkuasanya pindaan kepada Akta Zon Bebas 1990.

50. Akta Zon Bebas 1990, yang disebut "Akta ibu" dalam Bab ini, adalah dipinda dalam subseksyen 2(1) dengan menggantikan takrif "aktiviti perdagangan" dengan takrif yang berikut:

Pindaan seksyen 2. Akta 438.

' "aktiviti perdagangan" termasuklah berniaga (tidak termasuk perniagaan runcit), memecah pukal, mengged, pembungkusan semula, melabel semula dan transit;'

51. Perenggan 5(2)fcJ Akta ibu adalah dipinda dengan memasukkan selepas perkataan "asal" perkataan "atau selainnya".

Pindaan seksyen 5.

52. Akta ibu adalah dipinda dengan memasukkan selepas seksyen 6 seksyen yang berikut:

Seksyen baru 6A.

"Perniagaan runcit dalam di zon bebas. 6A. Menteri boleh, menurut budi bicara mutlaknya, membenarkan mana-mana perniagaan runcit dijalankan di dalam zon bebas dan Menteri boleh berkaitan dengan kebenaran itu mengenakan apa-apa syarat seperti yang difikirkannya patut."

53. Seksyen 8 Akta ibu adalah dipinda dengan memotong subseksyen (2) dan (3).

Pindaan seksyen 8.

54. Seksyen 9 Akta ibu adalah dipinda dengan memasukkan selepas perkataan "5" perkataan ", 6A".

Pindaan seksyen 9.

Pindaan
seksyen 10.

55. Seksyen 10 Akta ibu adalah dipinda dengan menggantikan subseksyen (3) dengan subseksyen yang berikut:

"(3) Walau apa pun apa-apajua yang berlawanan dalam mana-mana undang-undang bertulis, Menteri boleh membenarkan mana-mana aktiviti dijalankan di dalam zon bebas tertakluk kepada apa-apa syarat yang difikirkannya patut dikenakan."

Pindaan
seksyen 11

56. Seksyen 11 Akta ibu adalah dipinda—

- (a) dalam subseksyen (1) dengan memotong perkataan "dan adalah diluluskan oleh Menteri"; dan
- (b) dengan menggantikan subseksyen (2) dengan subseksyen yang berikut:

"(2) Menteri boleh, dalam mana-mana kes tertentu, membenarkan barang-barang, selain daripada barang-barang yang disebut dalam subseksyen (1) dibawake dalam zon perindustrian bebas bagi mana-mana aktiviti yang dibenarkan olehnya dan tertakluk kepada apa-apa syarat yang difikirkannya patut dikenakan."

Pindaan
seksyen 12.

57. Subseksyen 12(1) Akta ibu adalah dipinda dengan memotong perkataan "untuk perniagaan runcit atau selainnya".

Pindaan
seksyen 13.

58. Subseksyen 13(1) Akta ibu adalah dipinda dengan memasukkan selepas perkataan "menyenggarakan" perkataan "atau membenarkan".

Pindaan
seksyen 30.

59. Perenggan 30 (a) Akta ibu adalah dipinda dengan memasukkan selepas perkataan "5" perkataan ", 6A".

BAB X

PEMANSUHAN AKTA DUTI SEWA FILEM WAYANG
GAMBAR 1965

- 60.** Bab ini hendaklah mula berkuatkuasa pada 1 Januari 1997. Mula berkuatkuasanya pemansuhan Akta Duti Sewa Filem Wayang Gambar 1965.
- 61.** Akta Duti Sewa Filem Wayang Gambar 1965 adalah dimansuhkan. Pemansuhan. Akta 434.

HURAIAN

Rang Undang-Undang ini bertujuan meminda Akta Cukai Pendapatan 1967, Akta Petroleum (Cukai Pendapatan) 1967, Akta Cukai Keuntungan Harta Tanah 1976, Akta Cukai Aktiviti Perniagaan Luar Pesisir Labuan 1990, Akta Cukai Perkhidmatan 1975, Akta Cukai Jualan 1972, Akta Kastam 1967 dan Akta Zon Bebas 1990, dan memansuhkan Akta Duti Sewa Filem Wayang Gambar 1965.

BAB II

PINDAAN KEPADA AKTA CUKAI PENDAPATAN 1967

2. *Subfasal 4(a)* bertujuan meminda takrif "approved loan" dalam seksyen 2 Akta. Di bawah pindaan yang dicadangkan ini, "approved loan", berkenaan dengan permohonan bagi kelulusan yang diterima pada dan selepas 25 Oktober 1996, kini dihadkan kepada pinjaman yang dibuat kepada Kerajaan, Kerajaan Negeri (termasuk apa-apa pinjaman yang dibuat kepada seseorang selain daripada Kerajaan, atau Kerajaan Negeri jika pinjaman atau kredit itu dijamin oleh Kerajaan atau Kerajaan Negeri), pihak berkuasa tempatan atau badan berkanun. Pindaan ini akan berkuatkuasa dari 25 Oktober 1996.

Subfasal 4(b) bertujuan meminda takrif "royalty" untuk meliputi pembayaran bagi penggunaan atau hak untuk menggunakan filem wayang gambar, filem atau pita video atau cara lain keluaran semula jika filem atau pita itu telah digunakan atau akan digunakan atau dikeluarkan semula di Malaysia. Pindaan yang dicadangkan bertujuan mengenakan caj ke atas sewaan filem yang dibayar kepada bukan pemastautin yang dahulunya tertakluk kepada Akta Duti Sewa Filem Wayang Gambar 1965. Pindaan ini akan berkuatkuasa pada 1 Januari 1997.

3. *Fasal 5, 7, 19(a) dan 21* bertujuan meminda perenggan 4A(iii) dan 15A(c), seksyen 109B dan Bahagian V Jadual 1 masing-masing berikutan dengan pemansuhan Akta Duti Sewa Filem Wayang Gambar 1965 berkuatkuasa dari 1 Januari 1997.

4. *Fasal 6* bertujuan meminda subperenggan 13(1)(b)(i) untuk memperuntukkan bahawa sebagai tambahan kepada faedah atau kemudahan yang terdiri daripada rawatan perubatan atau pergigian, faedah jagaan kanak-kanak yang diberikan oleh majikan juga tidak akan ditaksirkan atas pekerja. Pindaan ini akan berkuatkuasa dari tahun taksiran 1997.

5. *Fasal 8* bertujuan meminda subseksyen 34(6) dengan memasukkan perenggan baru (*h*) untuk membenarkan potongan bagi perbelanjaan yang dilakukan bagi pengadaan perkhidmatan, kemudahan awam dan sumbangan kepada apa-apa khairat atau projek masyarakat berkaitan dengan pendidikan, kesihatan, perumahan dan infrastruktur yang diluluskan oleh pihak berkuasa yang relevan. Pindaan ini juga mencadangkan jika potongan telah dibuat di bawah perenggan 34(6)(*h*), tiada potongan selanjutnya atas amaun yang sama boleh dibenarkan di bawah subseksyen 44(6). *Fasal 8* juga bertujuan memasukkan perenggan baru (*i*) untuk memperuntukkan bahawa perbelanjaan yang dilakukan oleh majikan bagi pengadaan dan penyenggaraan pusat jagaan kanak-kanak bagi faedah pekerja boleh dipotong bagi mendapatkan pendapatan larasan perniagaan itu. Perbelanjaan yang layak bagi potongan di bawah pindaan ini tidak termasuk perbelanjaan modal yang dilakukan atas tanah, premis, bangunan atau struktur atau kerja yang bersifat kekal. *Fasal 8* selanjutnya bertujuan memasukkan perenggan baru (*j*) untuk membenarkan potongan bagi perbelanjaan yang dilakukan bagi maksud menubuhkan dan menguruskan kumpulan muzik atau kebudayaan yang diluluskan oleh Menteri. Ini termasuk perbelanjaan bagi kelengkapan, alat muzik, pakaian dan perbelanjaan berkaitan yang lain. Pindaan-pindaan ini akan berkuatkuasa dari tahun taksiran 1997.

6. *Fasal 9* bertujuan meminda perenggan 39(1)(*f*), (*i*) dan (*j*). Di bawah peruntukan yang sedia ada, jika pembayar tidak meremitkan cukai yang tidak dibayar kepada Ketua Pengarah di bawah seksyen 107A, 109 dan 109e, jumlah bayaran tidak akan dibenarkan sebagai potongan dalam menentukan pendapatan larasan pembayar. Pindaan yang dicadangkan bertujuan mengadakan peruntukan supaya pembayaran boleh dipotong jika pembayar membuat bayaran bagi cukai yang sepatutnya dipotong dan cukai bertambah yang terpakai. Pindaan ini akan berkuatkuasa dari tahun taksiran 1997.

7. *Fasal 10* bertujuan memasukkan subseksyen baru 44(6A) untuk memperuntukkan bahawa alang dalam bentuk artifak atau manuskrip kepada Kerajaan atau Kerajaan Negeri akan boleh dipotong. Amaun potongan itu akan bersamaan dengan nilai alang itu sebagaimana

yang diberikan oleh Jabatan Muzium dan Antikuiti atau Arkib Negara. *Fasal 10* selanjutnya bertujuan meminda perenggan 44(7)(f) supaya derma wang tunai yang dibuat kepada institusi latihan teknik atau vokasional, yang bukan bertujuan mencari keuntungan, layak bagi potongan cukai bagi penderma. Pindaan-pindaan ini akan berkuatkuasa dari tahun taksiran 1997.

8. *Fasal 11* bertujuan memasukkan perenggan baru 46(g) untuk memberikan relif kepada individu sehingga amaun maksimum sebanyak lima ribu ringgit bagi perbelanjaan perubatan oleh individu itu untuk dirinya sendiri, isteri atau suaminya atau anaknya yang mengidap penyakit serius. Penyakit serius termasuklah sindrom kurang daya tahan, penyakit Parkinson, kanser, kegagalan renal, leukemia dan penyakit serupa yang lain. Tuntutan itu hendaklah dibuktikan dengan resit dan perakuan yang dikeluarkan oleh pengamal perubatan bahawa rawatan itu telah diberikan kepada individu itu, isteri atau suaminya atau anaknya bagi penyakit itu. Pindaan ini juga memperuntukkan bahawa jika isteri tidak mempunyai jumlah pendapatan, tiada potongan selanjutnya sebanyak RM5000 akan dibenarkan. Pindaan ini akan berkuatkuasa dari tahun taksiran 1997.

9. *Fasal 12* bertujuan meminda seksyen 49 supaya relif yang dibenarkan berkenaan dengan pembayaran premium insurans nyawa tidak lagi terhad kepada tujuh peratus amaun modal yang diinsuranskan. Pindaan ini akan berkuatkuasa dari tahun taksiran 1997.

10. *Fasal 13* bertujuan meminda seksyen 60G untuk menjadikan syarikat pengurusan kumpulan wang milik tempatan layak mendapat kadar cukai konsesi sebanyak sepuluh peratus berkenaan dengan pendapatan yang didapati daripada pengadaaan perkhidmatan pengurusan kumpulan wang kepada pelabur asing. Pindaan ini akan berkuatkuasa dari tahun taksiran 1997.

11. *Fasal 14* bertujuan memasukkan seksyen baru 60H untuk mengadakan peruntukan bagi pencukaian syarikat dana tertutup. Pindaan ini dengan khususnya memperuntukkan bahawa keuntungan yang berbangkit daripada perealisasikan pelaburan tidak akan ditaksirkan sebagai pendapatan syarikat dana tertutup. Ia bertujuan memperuntukkan selanjutnya bahawa bahagian tertentu perbelanjaan pentadbiran tertentu yang dilakukan oleh syarikat dana tertutup boleh dipotong dalam mendapatkan jumlah pendapatan syarikat itu. Syarikat dana tertutup ditakrifkan sebagai syarikat berhad awam yang diperbadankan di Malaysia dan diluluskan oleh Suruhanjaya Sekuriti untuk melibatkan diri secara keseluruhannya dalam pelaburan wang dalam sekuriti. Pindaan ini adakan berkuatkuasa dari tahun taksiran 1997.

12. *Fasal 15* bertujuan meminda subseksyen 83(3) untuk menyelaraskan dan memperbaiki pentadbiran cukai berhubung dengan obligasi majikan untuk menahan wang dan memberikan

notis bertulis sebelum pemberhentian kerja pekerja. Pindaan ini memperuntukkan bahawa majikan tidak perlu memberikan notis pemberhentian pekerjaan jika pendapatan pekerja adalah tertakluk kepada potongan cukai bulanan atau jika saraan pekerja adalah kurang daripada amaun minimum pendapatan yang tertakluk kepada potongan cukai bulanan, dengan syarat bahawa pekerja itu tidak berhenti kerja secara kekal. Pindaan ini akan berkuatkuasa dari 1 Januari 1997.

13. *Fasal 16* bertujuan meminda subseksyen 103(7) untuk memperuntukkan bahawa pertambahan cukai kerana pembayaran lambat tidak akan terpakai bagi hutang yang kena dibayar di bawah subseksyen 107A(2), 109(2) dan 109B(2).

14. *Fasal 17, 18 dan 19* bertujuan meminda seksyen 107A, 109 dan 109B masing-masing untuk mengadakan peruntukan bagi pertambahan cukai sebanyak sepuluh peratus amaun kasar pembayaran, jika pembayar tidak meremitkan cukai kepada Ketua Pengarah berkenaan dengan pembayaran kontrak, bunga dan royalti dan pembayaran yang dibuat di bawah kelas-kelas khas pendapatan kepada bukan pemastautin. Pindaan-pindaan ini akan berkuatkuasa dari 25 Oktober 1996.

15. *Fasal 22* bertujuan meminda subperenggan 42(1) Jadual 3 untuk memperuntukkan pemberian elaun berkenaan dengan tempat tinggal yang diadakan oleh orang yang menjalankan perniagaan pembuatan, perhotelan, pelancongan atau projek perkhidmatan yang diluluskan kepada pekerja bukan pengurusan, bukan pentadbiran dan bukan perkeranian. Pindaan ini akan berkuatkuasa dari tahun taksiran 1997.

16. *Fasal 23* bertujuan meminda subperenggan 12(1)(b) Jadual 6 untuk menaikkan kehendak berhubung dengan wang anggota koperasi supaya ia tidak kurang daripada tujuh ratus lima puluh ribu ringgit, pada hari pertama tempoh asas. *Fasal 23* selanjutnya bertujuan memasukkan perenggan baru 32 ke dalam Jadual 6, untuk mengadakan peruntukan bagi pengecualian pendapatan individu yang bermastautin di Malaysia bagi pembayaran berkenaan dengan pertunjukan kebudayaan yang diluluskan oleh Menteri. Walau bagaimanapun, pengecualian ini tidak terpakai jika pembayaran itu berbangkit kepada individu itu sebagai sebahagian daripada emolumennya dalam penjalanan tugas-tugas rasminya. *Fasal 23* juga bertujuan meminda perenggan 35 untuk memperuntukkan bahawa bunga yang dibayar kepada seseorang individu, amanah saham dan dana tertutup yang disenaraikan berkenaan dengan bon, selain daripada saham pinjaman boleh tukar, yang dikeluarkan oleh Malaysian Rating Corporation Berhad, selain daripada yang dikeluarkan oleh Rating Agency Malaysia Berhad, adalah terkecuali daripada cukai. Pindaan-pindaan ini akan berkuatkuasa dari tahun taksiran 1997.

17. *Fasal 24* bertujuan meminda Jadual 7A untuk meluaskan skop pemakaian Elaun Pelaburan Semula kepada koperasi berasaskan pertanian, Pertubuhan Peladang Kawasan, Pertubuhan Peladang Kebangsaan, Pertubuhan Peladang Negeri, Pertubuhan Nelayan Kawasan, Pertubuhan Nelayan Kebangsaan dan Pertubuhan Nelayan Negeri. Pindaan ini akan berkuatkuasa dari tahun taksiran 1997.

BAB III

PINDAAN KEPADA AKTA PETROLEUM (CUKAI PENDAPATAN)

1967

18. *Fasal 26, 29, 30 dan 57* bertujuan meminda seksyen 2, 69, 70 dan 71 Akta Petroleum (Cukai Pendapatan) 1967 untuk membolehkan Ketua Pengarah mewakili kuasanya kepada pekerja Lembaga Hasil Dalam Negeri Malaysia. Pindaan-pindaan ini hendaklah disifatkan telah mula berkuatkuasa pada 2 Ogos 1996.

19. *Fasal 27* bertujuan memasukkan subseksyen baru 16(7B), (7c) dan (7D). Subseksyen baru (7B) bertujuan memperuntukkan bahawa apa-apa perbelanjaan yang dilakukan bagi pengadaan perkhidmatan, kemudahan awam dan sumbangan kepada mana-mana khairat atau projek masyarakat yang berkaitan dengan pendidikan, kesihatan, perumahan dan infrastruktur yang diluluskan oleh pihak berkuasa yang relevan adalah dipotong dalam mencapai pendapatan larian perniagaan itu. Subseksyen baru (7c) bertujuan memperuntukkan bahawa perbelanjaan yang dilakukan oleh majikan bagi pengadaan kemudahan pusat jagaan kanak-kanak dan penyenggaraan pusat jagaan kanak-kanak bagi faedah pekerja adalah boleh dipotong dalam mencapai pendapatan larian perniagaan itu. Perbelanjaan yang layak dipotong di bawah pindaan ini tidak termasuk perbelanjaan modal yang dilakukan bagi tanah, premis, bangunan, struktur atau kerja yang bersifat kekal. Subseksyen (7D) yang baru bertujuan membenarkan potongan bagi perbelanjaan yang dilakukan bagi maksud menubuhkan dan menguruskan kumpulan muzik atau kebudayaan, yang diluluskan oleh Menteri. Pindaan ini akan berkuatkuasa dari tahun taksiran 1997.

BAB IV

PINDAAN KEPADA AKTA CUKAI KEUNTUNGAN HARTA

TANAH 1976

20. *Fasal 33, 34, 35, 36 dan 37* bertujuan meminda seksyen 2, 45, 46, 47 dan 54 Akta Cukai Keuntungan Harta Tanah 1976 untuk membolehkan Ketua Pengarah mewakili kuasanya kepada pekerja Lembaga Hasil Dalam Negeri Malaysia. Pindaan-pindaan ini hendaklah disifatkan telah mula berkuatkuasa pada 2 Ogos 1996.

BAB V

PINDAAN KEPADA AKTA CUKAI AKTIVITI PERNIAGAAN
LUAR PESISIR LABUAN 1990

21. *Fasal 40* bertujuan meminda takrif "amanah luar pesisir" dalam subseksyen 2(1). Pindaan ini ialah pindaan yang berbangkit daripada pengadaaan Akta Amanah Luar Pesisir Labuan 1996. Pindaan ini akan berkuatkuasa dari tahun taksiran 1997.

BAB VI

PINDAAN KEPADA AKTA CUKAI PERKHIDMATAN 1975

22. *Fasal 42* bertujuan meminda seksyen 2 dengan memasukkan takrif "perkhidmatan yang kena dibayar cukai yang dieksportkan".

23. *Fasal 43* bertujuan meminda seksyen 3 supaya cukai perkhidmatan tidak dikenakan ke atas perkhidmatan yang kena dibayar cukai yang dieksportkan.

24. *Fasal 44* bertujuan meminda subseksyen 14(2) untuk melanjutkan tempoh yang cukai perkhidmatan kena dibayar daripada enam bulan kepada dua belas bulan dalam keadaan jika pembayaran bagi apa-apa perkhidmatan yang boleh dikenakan cukai yang disediakan tidak diterima dari tarikh pengeluaran invois bagi perkhidmatan yang boleh dikenakan cukai yang disediakan. Cukai perkhidmatan hendaklah genap masanya pada hari yang berikutnya selepas tempoh dua belas bulan itu.

BAB VII

PINDAAN KEPADA AKTA CUKAI JUALAN 1972

25. *Fasal 46* bertujuan memasukkan seksyen baru 2B untuk membenarkan gudang berlesen dan gudang pengilangan berlesen kemudahan menyimpan barang-barang tanpa membayar cukai jualan dan juga supaya gudang pengilangan berlesen tidak perlu dilesenkan di bawah subseksyen 13(1) Akta.

BAB VIII

PINDAAN KEPADA AKTA KASTAM 1967

26. *Fasal 48* bertujuan meminda subseksyen 65(1) untuk membolehkan barang-barang lain digudangkan di tempat atau tempat-tempat yang dinyatakan dalam lesen.

BAB IX

FINDAAN KEPADA AKTA ZON BEBAS 1990

27. *Fasal 50* bertujuan meminda subseksyen 2(1) untuk mengadakan takrif baru bagi aktiviti perdagangan.
28. *Fasal 51* bertujuan meminda perenggan 5(2)(c) untuk membenarkan barang-barang yang tidak lagi dalam bungkusan asal dihantar ke kawasan utama kastam selepas barang-barang itu diproses di dalam zon bebas.
29. *Fasal 52* bertujuan memasukkan seksyen baru 6A untuk mengawal perniagaan runcit di seluruh zon bebas.
30. *Fasal 53* bertujuan memotong subseksyen 8(2) dan 8(3) kerana kedua subseksyen tersebut telah digantikan dengan seksyen 6A.
31. *Fasal 54* bertujuan meminda seksyen 9 untuk menjadikan kesalahan bagi mana-mana orang melanggar seksyen 6A.
32. *Fasal 55* bertujuan meminda subseksyen 10(3) untuk membolehkan Menteri meluluskan apa-apa aktiviti tambahan khususnya kepada pengendali individu di dalam zon bebas.
33. *Fasal 56(a)* bertujuan meminda subseksyen 11(1) kerana Menteri tidak lagi meluluskan barang-barang daripada apa-apa perihalan yang akan digunakan secara langsung untuk pengilangan barang-barang lain.
34. *Fasal 56(b)* bertujuan membolehkan Menteri meluluskan barang-barang, selain daripada barang-barang yang terdapat di bawah subseksyen 11(1), untuk dibawa ke dalam zon bebas (perindustrian) bagi aktiviti lain.
35. *Fasal 57* bertujuan meminda subseksyen 12(1) untuk membolehkan Menteri meluluskan apa-apa barang (umpamanya untuk perniagaan runcit) untuk dibawa masuk ke dalam zon bebas.
36. *Fasal 58* bertujuan meminda subseksyen 13(1) kerana Menteri mungkin menghendaki Pihak Berkuasa Zon Bebas membenarkan syarikat-syarikat memberikan perkhidmatan seperti bank, kantin, taman asuhan kanak-kanak, dsb. di dalam zon bebas. Pada masa kini subseksyen 13(1) hanya menghadkan Pihak Berkuasa Zon Bebas mengadakan kemudahan-kemudahan di dalam zon bebas dan Pihak Berkuasa Zon Bebas tidak boleh memberikan perkhidmatan yang disebut di atas.

37. *Fasal 59* bertujuan meminda perenggan 30(a) untuk membenarkan mana-mana pegawai kanan kastam mendakwa sesiapa yang melakukan kesalahan di bawah seksyen 6A di mahkamah.

BAB X

PEMANSUHAN AKTA DUTI SEWA FILEM WAYANG GAMBAR
1965

38. *Fasal 61* bertujuan memansuhkan Akta Duti Sewa Filem Wayang Gambar 1965 berkuatkuasa dari 1 Januari 1997.

AM

39. Pindaan-pindaan yang lain yang tidak disebut secara khusus adalah pindaan-pindaan yang kecil atau berbangkit.

IMPLIKASI KEWANGAN

Rang Undang-Undang ini tidak akan melibatkan Kerajaan dalam apa-apa perbelanjaan wang tambahan. [PN. (U²) 1960.]